

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: 19 Julai 2021 10:59
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Perutusan Naib Canselor sempena Hari Raya Aidiladha 1442H



UUM Corporate Comm.

Universiti Utara Malaysia

19 JULAI 2021 / 9 ZULHIJAH 1442H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

UUM ONLINE:

Perutusan Naib Canselor

sempena Hari Raya
Aidiladha
1442H



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam Sehati Sejiwa

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, kita masih diberikan kesempatan untuk menyambut Hari Raya Aidiladha pada 20 Julai 2021 bersamaan 10 Zulhijah 1442 Hijrah.

Seperti tahun lalu, Hari Raya Aidiladha pada tahun ini disambut dengan penuh kesederhanaan kerana kita masih dibelenggu oleh pandemik Covid-19. Di sini, saya ingin mengingatkan semua warga Universiti Utara Malaysia agar sentiasa reda dan bersabar dengan ujian yang diturunkan oleh Allah SWT. Sudah pasti ada hikmah tertentu yang tersembunyi di sebalik musibah dan dugaan ini.

Jadikanlah pengalaman sambutan Aidiladha tahun yang lepas sebagai pedoman untuk kita semua. Ambillah pengajaran daripada ujian dan cabaran hari ini sebagai peringatan untuk kita bersama-sama mengambil iktibar daripada sejarah Nabi Ibrahim a.s. dan anaknya Nabi Ismail a.s. Pada akhirnya, saya yakin, ujian ini akan dapat meneguhkan lagi keimanan kita kepada Tuhan yang Maha Esa.

Sudah dua tahun, ibadah korban dilaksanakan dalam suasana norma baharu yang memerlukan kita untuk mematuhi norma yang telah ditetapkan. Marilah kita bersama-sama membantu negara untuk memutuskan rantai jangkitan Covid-19. Lindungilah keselamatan dan kesihatan diri serta keluarga yang tersayang. Korbankanlah sifat mementingkan diri sendiri, pupuklah nilai keinsanan serta semaikekan keprihatinan dan kasih sayang kepada mereka yang memerlukan bantuan kita. Inilah masanya untuk kita, sebagai warga UUM, menghulurkan bantuan dan sokongan dalam pelbagai bentuk, sebanyak dan seboleh mungkin kepada masyarakat setempat, khususnya.

Mari kita panjatkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana kita masih diberi peluang untuk berhimpun, bertakbir, bertahmid, menunaikan solat sunat Aidiladha dan melakukan ibadah korban walaupun dalam keadaan yang agak terbatas. Marilah kita terus berdoa supaya kita diberikan kekuatan untuk menewaskan wabak Covid-19 dan negara kita kembali pulih, aman, makmur dan sejahtera.

Akhir kalam, sempena hari yang mulia ini, saya ingin mengucapkan Salam Aidiladha kepada seluruh warga Universiti Utara Malaysia. Semoga kita dapat meraikan hari kebesaran ini dengan penuh kesyukuran dan keinsafan.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

PROF. DATO' DR. AHMAD BASHAWIR HAJI ABDUL GHANI
Naib Canselor



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.